

Jerebu bukan sekadar asap, debu

Ahmad Naim
Tahir

ahmadnaim
@bh.com.my



Jerebu datang lagi, makin teruk dari sehari ke sehari, bermula awal bulan ini dari Sarawak sebelum merebak dan terus merebak. Sejak 5 September, asap mengandungi debu-debu halus ditiup ke Lembah Klang dan negeri-negeri berhampiran.

Sejak kelmarin pula, 'serangan' jerebu semakin galak merebak ke Kedah, Pulau Pinang, Terengganu, Negeri Sembilan dan Perak. Sekolah-sekolah terpaksa ditutup yang mungkin menggembirakan murid dan ibu bapa, nelayan pula mengadu rezeki terjejas kerana jarak penglihatan di laut terbatas.

Jerebu bukan perkara baharu kerana beberapa kali kita berdepan dan berjaya mengharunginya. Kini, kedengaran kembali segala nasihat kesihatan dan peringatan agar pembakaran terbuka jangan dilakukan.

Apa yang baharu adalah kisah sampingan dicetus dari sisi bencana, ada yang serius dan ada bernada jenaka, tetapi yang se-



Pemandangan ibu kota berjerebu selepas operasi pembenihan awan 17 September lalu.

(Foto Mustaffa Kamal/BH)

dihnya tohmah dan fitnah turut dijadikan bahan cerita. Ada cerita berkait politik dan agama, tidak kurang juga tuduhan direka atau diulang semula, paling bijak adalah pedagang yang tidak melepaskan kesempatan mempromosi barang niaga.

Jerebu dijadikan alasan melihat menteri dipersalahkan, dituduh asyik berpolitik dan berdrama yang tidak berkesudahan, tidak serius dalam usaha menyelesaikan masalah rakyat kebanyakannya.

Ada seorang menteri terang-terangan jadi mangsa fitnah apabila dituduh ke Indonesia yang didakwa punca bericana, konon untuk

menyelesaikan masalah suaminya yang memiliki estet sawit dikatakan terbabit dalam pembakaran ladang di sana.

Tidak kurang juga kenyataan dari 'ustaz jadian', menaikkan komen di laman sosial atau disebar menerusi aplikasi sembang bahawa jerebu yang melanda adalah bala, kononnya kerana pemerintah mengabaikan agama.

Seorang pemimpin Indonesia juga tidak terkecuali 'dibahkan', diulang semula kenyataan lamanya memperlekehkan Malaysia dan Singapura yang disifatkan tidak mengenggan budi, tidak tahu berterima kasih.

Kenyataan itu sebenarnya di-

buat pada 2015 ketika pemimpin itu berpendapat kedua-dua negara sepatutnya berterima kasih kepada Indonesia kerana mendapat udara yang baik dari hutan di negaranya.

Dakwanya, hutan Indonesia yang lebat membantu menyumbang udara yang baik kepada negara jiran selama 11 bulan, tetapi hanya kerana jerebu yang berlaku sebulan, dua negara itu melemparkan kemarahan.

Jerebu turut membuka peluang untuk manfaat perniagaan, paling laris tentunya topeng bagi melindungi pernafasan walaupun ia menghadirkan beban tambahan untuk pihak penguatkuasa-

an. Ada peniaga tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menaikkan harga produk jualan, namun perkara itu dalam pengetahuan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang sudah pun mengambil tindakan.

Sejak 12 September lalu, sebanyak 1,115 premis perniagaan menjual topeng muka di seluruh negara diperiksa. Hasilnya ada amaran dikeluarkan, ada rampasan produk dijual pada harga melampau dilakukan dan ada kompaun dikenakan.

Bencana juga menghadirkan ruang untuk ejen dan peniaga alat penapis udara. Walaupun harganya agak mahal bukan seringgit dua, pasti ada pengguna sanggup berbelanja walau ribuan ringgit kosnya demi kesihatan keluarga.

Kehadiran bencana turut mendorong manusia beragama kembali mendekati tuhan untuk memohon pertolongan. Bagi umat Islam, hari ini disaran melaksanakan solat sunat Istisqa selepas solat Jumaat, berdoa bersama-sama agar diturunkan hujan supaya masalah jerebu akhirnya dapat dikurangkan.

Penulis adalah Pengarang
Berita Kanan Berita Harian